



PERDASAMA

**PERUNDANGAN
PERLEMBAGAAN
PERDASAMA**

(PINDAAN 10 DISEMBER 2017)

**UNDANG-UNDANG BAGI PERSATUAN PEDAGANG DAN
PENGUSAHA MELAYU MALAYSIA (PERDASAMA)
(PINDAAN 10 DISEMBER 2017)**

KANDUNGAN

- Fasal**
- 1.** Nama
 - 2.** Tempat Urusan
 - 3.** Definasi
 - 4.** Logo
 - 5.** Asas Penubuhan dan Yuran Tahunan
 - 6.** Keahlian
 - 7.** Yuran Pendaftaran dan Yuran Tahunan
 - 8.** Pemberhentian dan Pemecatan Ahli
 - 9.** Mesyuarat Agung
 - 10.** Jawatankuasa Pengurusan Persatuan
 - 11.** Kewajipan-Kewajipan Pegawai
 - 12.** Kewangan
 - 13.** Pemeriksa Kira-Kira
 - 14.** Pentadiran Harta
 - 15.** Tafsiran Undang-Undang
 - 16.** Penasihat / Penaung
 - 17.** Pindaan Undang-Undang

18. Penubuhan dan Pembubaran Cawangan Negeri
19. Mesyuarat Agung Cawangan
20. Jawatankuasa Cawangan
21. Tugas-Tugas Pegawai-Pegawai Negeri
22. Kewangan Negeri
23. Peruntukan-Peruntukan Umum Mengenai Cawangan
24. Pembubaran

FASAL 1 NAMA

- 1.1 Persatuan ini dikenali sebagai Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia dan nama ringkasnya PERDASAMA. Selepas ini disebut "Persatuan".

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

- 2.1 Alamat dan tempat pertubuhan serta alamat surat-menyurat ialah di Lot 1717 Jalan Ledang, Off Jalan Duta (Jalan Tuanku Abdul Halim), 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

FASAL 3 DEFINASI

- 3.1 Di dalam undang-undang ini perkataan-perkataan dan / atau ekspresi-ekspresi berikut, kecuali dinyatakan sebaliknya menerangkan serta mempunyai makna-makna seperti berikut:-
 - 3.1.1 '**Persatuan**' bermaksud dan / atau bermakna Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia atau Nama singkatannya '**PERDASAMA**'.

- 3.1.2 **'Melayu'** bermaksud dan / atau bermakna individu warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu yang menganuti dan mengamalkan agama Islam.
- 3.1.3 **'Pedagang'** adalah mereka yang melakukan aktiviti jual beli bagi menghasilkan keuntungan.
- 3.1.4 **'Pengusaha'** adalah seorang yang menggunakan minda dan daya cipta secara langsung atau tidak bagi menghasilkan apa jua barangan dan / atau perkhidmatan untuk diperdagangkan.
- 3.1.5 **'Ahli'** bermaksud dan / atau bermakna Ahli Biasa, Ahli Bergabung, Ahli Kehormat. 'Ahli' mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia berbangsa Melayu dan Bumiputera (tertakluk kepada Sabah, Sarawak, Labuan sahaja) yang menganuti dan mengamalkan agama Islam, berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun yang bukan muflis tertakluk kepada Fasal **6.2.4 kecuali** Ahli dari Negeri Negeri Sarawak dan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di mana mereka boleh terdiri dari Bumiputera beragama Islam dan yang bukan Islam.
(DILULUSKAN PADA AGM 10/12/2017)
- 3.1.6 **'Ahli Jawatankuasa PERDASAMA'** bermaksud dan/atau bermakna kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah ahli-ahli yang dipilih dan dilantik melalui proses pemilihan dan/atau pilihanraya, untuk menerajui serta mentadbir perdasama pusat atau Cawangan bagi jangka masa yang telah ditetapkan.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

FASAL 4 LOGO

- 4.1 Paparan daripada keseluruhan rekabentuk logo Persatuan menggambarkan kelopak sekuntum bunga berwarna kuning, hijau dan merah. Ianya dilingkungi dalam satu bulatan oleh nama Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia.
- 4.2 Kelopak yang menonjol membentuk "P" berwarna kuning dan hijau.
- 4.3 Kelopak menonjol yang membentuk huruf kembar "M" adalah berwarna merah.

FASAL 5 ASAS PENUBUHAN DAN OBJEKTIF

5.1 ASAS PENUBUHAN

- 5.1.1 PERDASAMA adalah satu badan gabungan tenaga dari kalangan seluruh Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia. PERDASAMA memberi perhatian khusus kepada sektor perdagangan dan pengedaran produk Melayu (*distributive trade*) bagi menentukan kemampuan ahlinya sebagai satu kumpulan yang efektif menjayakan perniagaan berbentuk pedagang dan pengedar dan dalam masa yang sama mewujudkan satu rangkaian pengedaran paling efektif bagi menjayakan perniagaan Melayu yang memerlukan pengedaran di merata-rata.
- 5.1.2 Dengan rangkaian pengedaran yang kuat dan baik di seluruh negara, kita percaya bahawa kita mampu untuk menonjol serta mengetengahkan setiap barangan

keluaran Melayu dari seluruh negara untuk pengedaran tempatan dan pasaran antarabangsa.

5.2 OBJEKTIF PENUBUHAN

Objektif penubuhan 'PERDASAMA' adalah:

- 5.2.1 Berusaha untuk meningkatkan taraf profesionalisme dan prestasi Pedagang dan juga Pengusaha Melayu serta mengenalpasti untuk merealisasikan peluang-peluang perniagaan yang baik dan / atau bermutu di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.
- 5.2.2 Berusaha untuk mewujudkan dana kewangan yang kukuh sebagai penggerak kepada Pedagang dan Pengusaha Melayu yang mampu bersaing di dalam negara dan diperingkat antarabangsa.
- 5.2.3 Menentukan kawasan strategik diperolehi oleh ahli bagi menyerlahkan kehadiran dan usaha mereka.
- 5.2.4 Mewujudkan etika kaedah iklim perdagangan dan pengusahaan yang jujur dan sihat serta berkualiti dan memastikan ianya memberi perkhidmatan beramanah mengikut unsur-unsur Islam.
- 5.2.5 Mewujudkan rangkaian perhubungan yang mantap di antara Pengusaha dan Pedagang Melayu di seluruh negara dan bertindak sebagai Persatuan yang menjadi payung dan suara bagi ahli dalam menjaga dan mempertahankan kepentingan serta hak mereka di dalam urusan-urusan dengan pihak kerajaan mahupun swasta.

- 5.2.6 Memastikan agenda utama untuk orang Melayu terus maju, dipertahan dan diperjuangkan serta bertindak sebagai pemangkin ke arah mewujudkan semangat keusahawanan Melayu.
- 5.2.7 Mewujudkan satu strategi pakatan kukuh dan berkesan diantara Pengusaha dan Pedagang Melayu di seluruh negara.
- 5.2.8 Menerima bantuan, tajaan, sumbangan derma dan geran daripada mana-mana pihak sama ada majikan kerajaan, korporat atau individu bagi menjalankan aktiviti Persatuan.
- 5.2.9 Menderma, memberi sumbangan, mengeluarkan atau membelanjakan wang dengan apa cara yang diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa PERDASAMA di peringkat kebangsaan dan/atau Negeri.
- 5.2.10 Mencetak, menerbit, mengedar sebarang penerbitan penerbitan, makalah, artikel, buku yang berkaitan kegiatan Persatuan dengan syarat mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu.
- 5.2.11 Memiliki, menjual, membeli, menyewa atau memajak harta aliah dan tak alih; membuat sebarang pelaburan ke atas harta-harta tersebut, atau dalam bon-bon saham yang dibenarkan; menubuhkan konsortium, koperasi dan yayasan; meminjam daripada institusi kewangan berdaftar; membuat urusan niaga dan memeterai sebarang kontrak atau tender; menerima sumbangan, bantuan, dana dari pihak kerajaan atau swasta; dengan syarat hasil

semua aktiviti hanya digunakan untuk kemajuan Persatuan dan ahli-ahlinya.

FASAL 6 KEAHLIAN

6.1 Ahli-ahli Persatuan terdiri daripada:

6.1.1 Ahli Biasa

6.1.2 Ahli Bergabung

6.1.3 Ahli Kehormat

6.1.4 Ahli Bersekutu

(DILULUSKAN PADA AGM 17/1/2013)

6.1.5 Ahli Seumur Hidup

(DILULUSKAN PADA AGM 17/1/2013)

6.2 Ahli Biasa adalah:

6.2.1 Ahli yang menjalankan Perdagangan dan / atau Pengusahaan sebagai tuan punya tunggal atau tuan punya bersama di dalam sesuatu firma yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 di Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan. Jika ia merupakan perniagaan bersama, semua rakan kongsi yang lain di dalam firma tersebut mestilah juga terdiri daripada bangsa Melayu.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

6.2.2 Ahli yang menjalankan Perdagangan dan / atau Pengusahaan di Malaysia yang dilesenkan oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan di Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 6.2.3 Syarikat Perdagangan dan / atau Pengusahaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki seratus-peratus (100%) oleh Melayu.
- 6.2.4 Ahli yang mempunyai lembaga pengarah dalam syarikatnya lebih daripada satu, hendaklah mendapatkan kelulusan syarikatnya untuk menjadi penama bagi keahliannya. Jika sekiranya ahli tersebut muflis secara individu atau berhenti dari syarikat tersebut atau atas apa-apapun sebab, syarikat hendaklah melantik salah seorang dari lembaga pengarah syarikatnya sebagai pengganti.
(DILULUSKAN PADA AGM 12/3/2009)
- 6.3 **Ahli Bergabung** adalah mana-mana persatuan, badan atau pertubuhan yang ahlinya 100% Melayu sama ada diperingkat negeri atau kebangsaan yang suka bekerjasama dengan Persatuan.
- 6.4 **Ahli Kehormat** adalah mana-mana orang perseorangan yang layak menjadi Ahli Kehormat oleh **Jawatankuasa Pusat**. Ahli Kehormat boleh dilantik dari mana-mana pertubuhan, badan kerajaan, syarikat Melayu serta tidak semestinya seorang ahli Perdagangan dan / atau Pengusahaan.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 6.5 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh seorang ahli atau dihantar oleh Setiausaha Agung Kehormat atau Cawangan yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa Pusat untuk diluluskan. Jawatankuasa Pusat, tidak kurang dari dua per tiga (2/3) yang bersidang, boleh mengikut budi

bicara menolak sebarang permohonan tanpa memberi apa-apa sebab.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 6.6 Tiap-tiap permohonan yang permohonannya telah diluluskan berhaklah ia sebagai ahli setelah membayar bayaran pendaftaran dan yuran tahun pertama seperti yang ditetapkan.
- 6.7 Tiap-tiap firma atau syarikat yang menjadi Ahli Biasa berhak melantik seorang wakil atau melaksanakan hak mengundi dan diundi untuk memegang jawatan.
- 6.8 Ahli Bergabung dan Ahli Kehormat **TIDAK BERHAK** mengundi.
- 6.9 **Ahli Bersekutu** adalah mana-mana syarikat yang mempunyai pegangan saham sekurang-kurangnya **51%** bumiputera. Ahli Bersekutu **TIDAK BERHAK** mengundi dan **TIDAK BOLEH** bertanding dalam Mesyuarat Agung.
(DILULUSKAN PADA AGM 17/1/2013)
- 6.10 **Ahli Seumur Hidup** terdiri daripada ahli-ahli yang membayar yuran sekaligus seperti yang ditetapkan Jawatankuasa Pusat; Ahli seumur hidup mempunyai hak-hak yang sama seperti ahli biasa pada **Fasal 6.2** iaitu berhak menghadiri mesyuarat, bercakap dan mengundi di dalam Mesyuarat Agung, Mesyuarat Khas atau mesyuarat-mesyuarat di peringkat cawangan dan boleh dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Pusat dan Ahli Jawatankuasa Cawangan.
(DILULUSKAN PADA AGM 17/1/2013)

FASAL 7 YURAN PENDAFTARAN DAN YURAN TAHUNAN

- 7.1 Tiap-tiap ahli hendaklah membayar Yuran Pendaftaran dan Yuran Tahunan mengikut peruntukan yang terkandung di bawah **Fasal 7.2**
- 7.2 Yuran Pendaftaran dan Tahunan adalah seperti berikut:-
- 7.2.1 Ahli Biasa di bawah **Fasal 6.2.1** hendaklah membayar kepada PERDASAMA Pusat atau PERDASAMA Negeri. Yuran pendaftaran sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus) dan Yuran Tahunan sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus).
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 7.2.2 Ahli Biasa di bawah **Fasal 6.2.2** hendaklah membayar kepada PERDASAMA Pusat atau PERDASAMA Negeri. Yuran Pendaftaran sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus dan Yuran Tahunan sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus)
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 7.2.2.1 Ahli Biasa di bawah **Fasal 6.2.1** di mana orang Melayu yang menjalankan perniagaan sebagai tuan punya tunggal/persendirian atau syarikat yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai syarikat Enterprises hendaklah membayar kepada PERDASAMA Pusat atau PERDASAMA Negeri, Yuran Pendaftaran sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus) dan Yuran Tahunan sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus)
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

7.2.3 **AHLI BIASA** di bawah **Fasal 6.2.3** hendaklah membayar kepada PERDASAMA Pusat atau PERDASAMA Negeri. Yuran Pendaftaran sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus) dan Yuran Tahunan sebanyak RM250 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh).

7.2.4 **AHLI BERGABUNG** di bawah **Fasal 6.3** hendaklah membayar kepada PERDASAMA Pusat atau PERDASAMA Negeri. Yuran Pendaftaran sebanyak RM200 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus) dan Yuran Tahunan sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus).

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

7.2.5 **AHLI KEHORMAT** di bawah **Fasal 6.4** dibawah Perlembagaan ini adalah **DIKECUALIKAN** daripada sebarang Yuran Pendaftaran Dan Yuran Tahunan.

7.2.6 **AHLI BERSEKUTU** dibawah **Fasal 6.2.1** hendaklah membayar kepada PERDASAMA Pusat atau PERDASAMA Negeri. Yuran Pendaftaran sebanyak RM100 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus) dan Yuran Tahunan sebanyak RM50 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh)

(DILULUSKAN PADA AGM 17/1/2013)

7.2.7 **AHLI SEUMUR HIDUP** di bawah **Fasal 7.0** hendaklah membayar yuran seperti berikut :

- Berhad - RM 2,000
- Sdn Bhd - RM 1,000
- Enterprise - RM 500

(DILULUSKAN PADA AGM 17/1/2013)

- 7.3 Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari **Pusat / Cawangan** terlebih dahulu dalam tempoh tidak lewat dari **1hb Jun** pada setiap tahun.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

Ahli yang membiarkan yurannya tertunggak sehingga selepas Mesyuarat Agung pada tahun tersebut akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung Kehormat, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga yurannya yang tertunggak telah dijelaskan. Jawatankuasa Pusat boleh mengarahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadap ahli dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima penyata berkenaan yuran tertunggaknya terlebih dahulu atau ahli itu mempunyai sebab-sebab yang dikira munasabah oleh Jawatankuasa Pusat.

(DILULUSKAN PADA AGM 29/11/2015)

- 7.4 Persatuan boleh dan berhak menerima sumbangan dan tajaan dalam semua jenis bentuk dan pada bila-bila masa dari mana-mana pihak sama ada badan kerajaan atau pun swasta.
- 7.5 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli sama ada diperingkat Cawangan atau Pusat.
- 7.6 PERDASAMA Cawangan mestilah membayar PERDASAMA Pusat sebanyak **25%** hasil dari kutipan yuran tahunan dan yuran pendaftaran setiap tahun.

- 7.7 Tarikh pembayaran Yuran Tahunan PERDASAMA Cawangan kepada PERDASAMA Pusat adalah selewat-lewatnya pada **31hb Mac** pada tahun berikutnya.
- 7.8 Untuk meningkatkan bilangan keahlian, Jawatankuasa Pengurusan/Pusat boleh membenarkan bayaran yuran keahlian untuk tempoh-tempoh tertentu dikurangkan.
(PERKARA 7.8 DILULUSKAN PADA AGM 29/11/2015)

FASAL 8 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 8.1 Ahli yang berhak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan, hendaklah memberi kenyataan bertulis **2 (dua) minggu** terlebih dahulu kepada **Setiausaha Agung Kehormat** dan menjelaskan segala bayaran yuran yang tertunggak.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 8.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya tidak lebih dari **2 (dua) tahun** atau sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Pusat sebelum Jawatankuasa Pusat memecat atau menggantung pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya sama ada secara bertulis ataupun dengan membuat perjumpaan bersama Jawatankuasa Pusat. Jika keahliannya digantung maka ahli itu akan hilang haknya untuk mengundi pada tahun penggantungan itu dan lain-lain keistimewaan sebagai seorang ahli.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

FASAL 9 MESYUARAT AGUNG

9.1 Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada mesyuarat ahli-ahli. Sekurang-kurangnya **satu per tiga (1/3)** daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Pusat atau **MINIMUM 50 AHLI** mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM KALI KE 18 PADA 12/11/2016)

9.2 Setiap Cawangan Negeri dibenarkan jumlah ahli-ahli yang berhak menghadiri dan mengundi tidak boleh melebihi **Sepuluh (10) ahli** yang diperuntukkan di bawah **Fasal 20.1.7** yang mana Tujuh (7) hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

9.3 Kesemua Ahli Jawatankuasa Pusat yang diperuntukkan di bawah **Fasal 10.1** berhak menghadiri dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan.

9.4 Sekiranya Pusat dan Cawangan perlu menghantar jumlah ahli melebihi had yang diperuntuk di bawah **Fasal 9.2 dan Fasal 9.3**, Ahli Jawatankuasa Pusat hendaklah dimaklumkan dan jika dibenarkan, ahli-ahli tersebut akan menghadiri sebagai pemerhati dan tidak berhak mengundi.

9.5 Jika korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (**tidak lebih**

daripada 30 hari) yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguh itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

- 9.6 Mesyuarat bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan **tidak lewat daripada 30hb Jun atau** pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

(DILULUSKAN PADA AGM 29/11/2015)

Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:

- 9.6.1 Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Persatuan di dalam tahun lalu.
 - 9.6.2 Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
 - 9.6.3 Memilih, 3 tahun sekali, Pegawai-pegawai Jawatankuasa Pusat;
 - 9.6.4 Memilih pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang; dan
 - 9.6.5 Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentang di dalam mesyuarat itu.
- 9.7 Setiausaha Agung Kehormat hendaklah menghantar notis kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya **dua puluh satu (21) hari** sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah

dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 9.8 Salah seorang pegawai juruaudit yang dilantik oleh Pusat hendaklah mewakili firma Juruaudit untuk bertindak sebagai pemerhati atau pencatat minit di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Pusat.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 9.9 Mesyuarat Agung Khas bagi Persatuan ini boleh diadakan:

- 9.9.1 Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Pusat; atau

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 9.9.2 Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari dua **per tiga (2/3)** dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung Kehormat Persatuan.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 9.10 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

- 9.11 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung Kehormat kepada semua ahli sekurang-kurangnya **empat belas (14) hari** sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

9.12 **Fasal 9.1 dan Fasal 9.2** di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas satu jam dari waktu yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan sekiranya dan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh **tersebut tidak bersidang**, Mesyuarat Agung Khas dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

9.13 Setiausaha Agung Kehormat hendaklah mempamerkan satu salinan deraf minit Mesyuarat Agung Pusat dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu di laman sesawang Perdasama Pusat dan/atau menghantarkan sesalinan kepada setiap ahli.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

9.14 Perwakilan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Khas dan Mesyuarat Agung Negeri terdiri daripada ahli-ahli di bawah **Fasal 6.2.2** dan **Fasal 6.2.3** Perundangan Perlembagaan hendaklah merupakan Pengarah Syarikat dari bangsa Melayu yang dilantik melalui Borang Proksi yang disahkan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan di Meterai dengan meterai biasa Syarikat yang berkenaan.

FASAL 10 JAWATANKUASA PENGURUSAN PERSATUAN

10.1 Satu Jawatankuasa Pusat seperti berikut yang dinamakan Pegawai Persatuan hendaklah **dipilih tiga (3) tahun sekali** di dalam Mesyuarat Agung Tahunan :-

- 10.1.1 Seorang **Presiden**
- 10.1.2 Seorang **Timbalan Presiden**
- 10.1.3 **Lima (5) orang Naib Presiden** iaitu Naib Presiden I, Naib Presiden II, Naib Presiden III, Naib Presiden IV dan Naib Presiden V yang mana **Naib Presiden II, III, IV dan V adalah dilantik** oleh Presiden dari kalangan ahli biasa, sekiranya ada keperluan.
(DILULUSKAN PADA AGM 4/11/2011)
- 10.1.4 Seorang **Setiausaha Agung Kehormat** yang **dilantik** oleh Presiden dari kalangan ahli biasa.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 10.1.5 Seorang **Bendahari Agung Kehormat** yang **dilantik** dari kalangan ahli biasa oleh Presiden.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 10.1.6 **Dua puluh lima (25)** orang ahli jawatankuasa (AJK) Biasa yang terdiri daripada **enam belas (16) YDP Cawangan** atau wakil (yang dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa Cawangan) dan sembilan (9) ahli yang dilantik oleh Presiden dari kalangan ahli biasa jika perlu. Sekurang-kurangnya **1/3 (satu pertiga)** daripada jumlah ahli jawatankuasa perlu hadir untuk menjalankan mesyuarat.
(DILULUSKAN PADA AGM 10/12/2017)
- 10.2 Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden I, dan Naib Presiden II dan Naib Presiden III, Setiausaha Agung Kehormat, Bendahari Agung Kehormat dan dua puluh lima (25) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dipilih dan / atau dilantik akan memegang jawatan selama satu (1) penggal iaitu tiga (3) tahun berturut-turut.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 10.3 Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Persatuan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.
- 10.4 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan, tiap-tiap **tiga (3) tahun** sekali.
- 10.5 Fungsi Jawatankuasa Pusat ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Pusat seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan terlebih dahulu berhubung dengannya dan jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Pusat hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- (DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)*
- 10.6 Jawatankuasa Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada empat (4) orang Ahli Jawatankuasa Pusat bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya satu per tiga (**1/3**) daripada jumlah keseluruhan Jawatankuasa PERDASAMA Malaysia hendaklah

hadir bagi mencukupi korum untuk mesyuarat dan mengesahkan perjalanan mesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 10.7 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Pusat dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Agung Kehormat bolehlah mendapatkan kelulusan dari Ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum jawatankuasa Pusat boleh dianggap sebagai telah diterima:-

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

10.7.1 Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada setiap Ahli Jawatankuasa;

10.7.2 Kesemua Ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan mereka terhadap cadangan itu. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung Kehormat kepada mesyuarat Jawatankuasa Pusat berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 10.8 Seseorang ahli Jawatankuasa PERDASAMA Malaysia akan terlucut jawatannya jika gagal mematuhi undang-undang persatuan dengan tidak menghadirkan diri **tiga (3) kali berturut-turut** ke mesyuarat tanpa memberikan sebab-sebab yang munasabah secara bertulis yang boleh diterima

oleh Jawatankuasa PERDASAMA Pusat berkenaan dengan kegagalan beliau untuk hadir ke mesyuarat sebelum mesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

10.9 Jawatankuasa Pusat boleh memberi arahan kepada Setiausaha Agung Kehormat dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan dan nama baik Persatuan.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

10.10 Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil/Biro yang dianggotai tidak lebih tiga belas (13) ahli termasuk ketua Jawatankuasa kecil/biro jika difikirkan mustahak dan memberikan jawapan arahan khas kepada sebarang Ahli Jawatankuasa Kecil/Biro tersebut.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

10.11 Jawatankuasa Pusat boleh mengenyepikan mana-mana Fasal untuk membolehkan Cawangan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan (AGM).

(PERKARA 10.11 DILULUSKAN PADA AGM 29/11/2015)

FASAL 11 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

11.1 Presiden dalam tempoh menyandang jawatannya hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas

kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat apabila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira PERDASAMA sepertimana mengikut peraturan yang termaktub pada **Fasal 12.3**

(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)

11.2 Presiden diberikan kuasa yang penuh untuk membuat atau mengeluarkan apa-apa kenyataan akhbar berkenaan dengan Persatuan. Walaubagaimanapun, mana-mana individu yang berkenaan adalah dibenarkan untuk membuat kenyataan akhbar bagi pihak Persatuan dengan syarat kebenaran dan kelulusan bertulis untuk berbuat demikian daripada Presiden atau Yang DiPertua hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)

11.3 Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya, atau semasa jawatan tersebut menjadi kosong oleh apa-apa jua sebab pun, beliau berhak serta bertanggungjawab melaksanakan apa jua tugas dan kuasa-kuasa Presiden seperti disebutkan secara nyata atau tersirat di dalam Perlembagaan.

11.4 Naib Presiden I atau Naib Presiden II atau Naib Presiden III akan dipilih oleh Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan untuk memangku jawatan Timbalan Presiden jika jawatan tersebut menjadi kosong oleh apa-apa sebab jua sekalipun.

11.5 Jika jawatan Naib Presiden I dan/atau Naib Presiden II dan / atau Naib Presiden III menjadi kosong atas apa-apa sebab jua pun maka Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan hendaklah

memilih salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan tersebut.

- 11.6 Setiausaha Agung Kehormat hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha Agung Kehormat hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha Agung Kehormat hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden semasa ketiadaan Bendahari Agung Kehormat.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 11.6.1 Setiausaha Agung Kehormat adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas segala pengurusan Persatuan dan urusetia Persatuan serta bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden segala tindakan yang diambil dan menjalankan berkenaan dengan pengurusan PERDASAMA. Setiausaha Agung Kehormat senantiasa perlu mematuhi arahan Presiden.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 11.6.2 Dalam masa **enam puluh (60) hari** dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan Setiausaha hendaklah mengirimitkan penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan

sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)

11.7 Bendahari Agung Kehormat adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

11.8 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 12 KEWANGAN

12.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut di dalam undang-undang wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah Pemeriksa Kira-kira. Walaubagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman Mahkamah.

12.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Satu Ribu (RM1,000.00) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.

12.3 Segala cek dan / atau pengeluaran serta kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira PERDASAMA hendaklah ditandatangani sepertimana peraturan seperti berikut;

Kumpulan A - Jumlah cek dan / atau pengeluaran kurang dari RM3,000 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu sahaja) bagi setiap transaksi

Kelas 1 - Presiden atau Timbalan Presiden atau Naib Presiden I, atau II atau III atau IV atau V.

Kelas 2 - Setiausaha Agung Kehormat atau Bendahari Agung Kehormat

Memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) pengesahan dan tandatangan, seorang dari Kelas 1 dan Kelas 2.

Kumpulan B - Jumlah cek dan/atau pengeluaran RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu) dan ke atas bagi setiap transaksi.

Kelas 1 - Presiden atau Timbalan Presiden

Kelas 2 - Setiausaha Agung Kehormat atau Naib Presiden I, II, III, IV atau V

Kelas 3 - Bendahari

Memerlukan sekurang-kurangnya tiga (3) pengesahan dan tandatangan, salah seorang dari kelas 1, Kelas 2 dan Kelas 3.

12.4 Perbelanjaan yang kurang daripada RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu) bagi sesuatu masa boleh dibayar dengan diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pusat,

dan perbelanjaan RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) sehingga RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran sebanyak dua per tiga (2/3) dari jumlah Ahli Jawatankuasa Pusat yang bersidang. Perbelanjaan yang melebihi daripada RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh diluluskan tanpa mendapatkan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli terlebih dahulu.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 12.5 Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Agung Kehormat dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dibawah **Fasal 13** undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Persatuan.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 12.6 Tahun kewangan Persatuan ini bermula pada **1hb Januari** dan berakhir pada **31hb Disember** tiap-tiap tahun.

FASAL 13 PEMERIKSA KIRA-KIRA

- 13.1 Dua orang yang bukannya Pegawai Persatuan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dari mana-mana firma audit bertauliah yang difikirkan sesuai sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.

- 13.2 Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Pusat. Mereka juga dikehendaki oleh Presiden mengaudit kira-kira Persatuan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

FASAL 14 PENTADBIRAN HARTA

- 14.1 Semua harta tetap Persatuan hendaklah dinamakan di atas nama Persatuan. Pemegang jawatan semasa dalam Jawatankuasa Pengurusan iaitu Presiden, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik menjadi Pegawai Pentadbiran Harta mengikut Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966. Kepada mereka diamanahkan semua harta kepunyaan Persatuan untuk ditadbir.
- 14.2 Tertakluk kepada fasal-fasal yang berkaitan sebelumnya Pegawai Pentadbir Harta tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Persatuan tanpa persetujuan dan / atau kuasa yang diberikan melalui Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Khas Persatuan.
- 14.3 Harta-harta di peringkat Cawangan negeri hendaklah tertakluk kepada **Fasal 14.1**. Semua harta Cawangan adalah merupakan harta Persatuan dan ditadbirkan oleh Pentadbir Harta di **Fasal 14.1**.

- 14.4 Sekiranya seseorang Pegawai Tadbir Harta itu tidak lagi memegang jawatan di dalam Persatuan seperti **Fasal 14.1**, maka kuasanya dengan sendirinya terlucah. Jawatankuasa Pusat boleh melantik ganti pegawai Pentadbir Harta yang baru.

FASAL 15 TAFSIRAN

- 15.1 Diantara berlangsungnya Mesyuarat Agung Pusat, Jawatankuasa Pusat boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang terkandung didalam undang-undang ini.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 15.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat didalam Mesyuarat Agung Pusat, keputusan Jawatankuasa Pusat terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

FASAL 16 PENASIHAT / PENAUNG

- 16.1 Penasihat adalah mana-mana orang perseorangan yang layak menjadi barisan Lembaga Penasihat kepada barisan Jawatankuasa Pusat. Mereka mewakili dari mana-mana pertubuhan, badan kerajaan, syarikat Melayu serta tidak semestinya seorang ahli Perdagangan dan / atau Perusahaan.

- 16.2 Lembaga Penasihat **TIDAK BERHAK** mengundi.

16.3 Lembaga Penasihat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya **(dua) 2 kali** dalam setahun.

(DILULUSKAN PADA AGM 19/12/2010)

FASAL 17 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidaklah boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung Pusat. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa **enam puluh (60) hari** dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

FASAL 18 PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN NEGERI

18.1 Jawatankuasa Pusat boleh membenarkan penubuhan cawangan di negeri yang mempunyai sekurang-kurangnya **sepuluh (10) Ahli Biasa** Persatuan. Penubuhan cawangan hendaklah dibenarkan secara bertulis oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu

18.2 Jawatankuasa Pusat boleh membubarkan cawangan:

18.2.1 Jika bilangan ahli di dalam tempoh enam bulan berturut-turut kurang daripada dua puluh (20) ahli biasa atau

- 18.2.2 Jika cawangan tidak mematuhi undang-undang Persatuan atau keputusan Mesyuarat Perwakilan atau Mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan / atau jika Jawatankuasa Pusat mendapatinya bersalah kerana perbuatannya gagal mematuhi undang-undang Persatuan dan / atau bertindak dengan cara mencemarkan nama baik Persatuan.
- 18.2.3 Keputusan membubarkan cawangan hendaklah dengan undi majoriti di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat, dengan syarat sebelum diambil keputusan membubarkan Cawangan atas sebab yang disebutkan di dalam **Fasal 18.2.2** di atas, Cawangan yang berkenaan hendaklah diberi suatu notis selama 30 (tiga puluh) hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.
- 18.3 Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Cawangan tidak boleh bergerak mulai dari tarikh penerimaan perintah tersebut kecuali untuk urusan penyelesaian. Sebarang cawangan yang musykil atas pembubaran boleh, dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Agung di dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** daripada tarikh penerimaan perintah tersebut, membuat rayuan kepada Mesyuarat Agung Persatuan. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga dibatalkan tetapi di dalam keadaan yang sedemikian Jawatankuasa Pusat boleh melantik satu Jawatankuasa Penaja daripada ahli-ahli untuk menguruskan hal ehwal cawangan itu sementara rayuan tersebut dipertimbangkan.

- 18.4 Jika sesuatu cawangan ditutup kerana sebab yang disebutkan dalam **Fasal 18.2.1** di atas, maka Jawatankuasa Pusat hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada kepada cawangan yang hampir sekali, dan jika cawangan ditutup kerana sebab di dalam peraturan **Fasal 18.2.2** di atas maka ahli-ahli akan terhenti menjadi ahli Persatuan.
- 18.5 Adalah menjadi kewajipan Yang DiPertua, Setiausaha dan Bendahari bagi cawangan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung Kehormat segala buku, rekod, wang dan harta-harta lainnya yang dimiliki oleh cawangan berserta dengan penyata kira-kira cawangan itu daripada tarikh akhir pengemukaan penyata kira-kira itu dibentangkan sehingga tarikh perintah pembubaran.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 18.6 Jika ahli-ahli sesuatu cawangan memutuskan hendak keluar daripada Persatuan, maka pegawai-pegawai cawangan itu dengan serta merta mestilah menyerahkan kepada Setiausaha Agung Kehormat segala buku, rekod, wang dan harta-harta lain Persatuan dan seterusnya menyedia dan menyerahkan penyata kira-kira kepada Setiausaha Agung Kehormat seperti di dalam **Fasal 19.6** di atas.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 18.7 Bagi cawangan yang tidak melangsungkan Mesyuarat tahunan pada masa yang telah ditetapkan atas apa-apa alasan, Presiden berkuasa untuk memanggil pemilihan semula dan menggenepikan mana-mana peruntukkan di bawah **Fasal 19** dan membenarkan pemilihan Jawatankuasa Cawangan di bawah **Fasal 20**. Apabila notis dikeluarkan oleh Presiden menggunakan Fasal ini, barisan Ahli Jawatankuasa Cawangan yang telah dilantik dengan serta-

merta gugur daripada memegang jawatan untuk memberi laluan kepada pemilihan Jawatankuasa Cawangan baru.

(FASAL 18.7 DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

FASAL 19 MESYUARAT AGUNG CAWANGAN

19.1 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah diadakan **sebelum 31 Mei** pada tiap-tiap tahun **tertakluk kepada Fasal 10.11**

(DILULUSKAN PADA AGM 29/11/2015)

19.2 Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan ialah untuk:

19.2.1 Menerima laporan Bendahari Cawangan dan kira-kira Cawangan yang telah diaudit bagi tahun lepas.

19.2.2 Memilih Jawatankuasa Negeri dan Juruaudit cawangan untuk tahun hadapan tertakluk kepada **Fasal 20.1**

19.2.3 Membincangkan perkara-perkara lain yang akan dibentangkan.

19.3 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar notis kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya **empat belas (14)** hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan pemberitahu awal yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat mesyuarat, panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan dan pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa cawangan.

(DILULUSKAN PADA AGM 9/12/2010)

19.4 Pencalonan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa Cawangan dan cadangan untuk perbincangan di dalam mesyuarat tersebut hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Negeri

tidak lewat daripada **tujuh (7) hari** selepas menerima pemberitahuan awal mesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM 9/12/2010)

- 19.5 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan berserta dengan penyata kira-kira cawangan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan cawangan.
- 19.6 Sekurang-kurangnya **satu per dua (1/2)** daripada jumlah ahli-ahli cawangan berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Cawangan atau **MINIMUM 30 AHLI** hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
(DILULUSKAN PADA AGM KALI KE-18 12/11/2016)
- 19.7 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (**tidak lebih daripada 7 hari**) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 19.8 Seorang wakil daripada Pusat akan bertindak menjadi Pemerhati di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)

- 19.9 Suatu Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah diadakan:
- 19.9.1 Atas arahan Jawatankuasa Pusat; atau
 - 19.9.2 Apabila Jawatankuasa Cawangan memikirkannya mustahak;
 - 19.9.3 Atas permintaan bertulis tidak kurang daripada **dua puluh (20) ahli-ahli** negeri yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.
- 19.10 Mesyuarat Agung Khas Negeri atas permintaan ahli-ahli hendaklah diadakan dalam tempoh **lima belas (15) hari** dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 19.11 **Fasal 19.6** dan **Fasal 19.7** di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Cawangan, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas Cawangan atas permintaan ahli-ahli tersebut, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan sekiranya dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tersebut Mesyuarat Agung Cawangan atas permintaan ahli-ahli tidak bersidang, Mesyuarat Agung Khas dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 19.12 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli dan Setiausaha Agung satu salinan deraf catatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Cawangan dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 20 JAWATANKUASA CAWANGAN

20.1 Sesuatu Jawatankuasa Cawangan seperti berikut yang akan dikenali sebagai pemegang jawatan Cawangan, akan dipilih **dua (2) tahun sekali** di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan:

20.1.1 Yang DiPertua Cawangan;

20.1.2 Dua orang (2) Naib Yang DiPertua Cawangan yang mana Naib Yang DiPertua Cawangan I adalah **dipilih** manakala Naib Yang DiPertua Cawangan II adalah **dilantik** oleh YDP Cawangan dari kalangan Ahli Jawatankuasa, sekiranya ada keperluan.

DILULUSKAN PADA AGM 9/12/2010

20.1.3 Seorang Naib Yang DiPertua Cawangan III yang juga dilantik oleh YDP Cawangan dari kalangan ahli wanita, sekiranya ada keperluan dari kalangan ahli.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/11/2016)

20.1.4 Setiausaha Cawangan; dilantik dari kalangan ahli.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/11/2016)

20.1.5 Penolong Setiausaha Cawangan; dilantik dari kalangan ahli.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/11/2016)

20.1.6 Bendahari Cawangan; dilantik dari kalangan ahli.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/11/2016)

20.1.7 **Sepuluh (10) Ahli Jawatankuasa** Biasa Cawangan yang mana (3) daripadanya adalah dilantik oleh Yang DiPertua Cawangan dari kalangan ahli biasa.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/3/2009)

- 20.2 Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa Cawangan dan tiap tiappegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dalam cawangan hendaklah warganegara Malaysia
- 20.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadang dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Semua pegawai boleh dilantik semula setiap tahun.
(PINDAAN DILULUSKAN PADA AGM 12/11/2016)
- 20.4 Jika jawatan Yang DiPertua Cawangan dan/atau Naib Yang DiPertua Cawangan menjadi kosong oleh apa-apa sebab dalam jangka masa lebih daripada tiga (3) bulan, maka kuasa penuh adalah diberikan kepada Jawatankuasa PERDASAMA Malaysia sama ada untuk memilih atau melantik sesiapa yang layak bagi menggantikan atau memangku jawatan-jawatan tersebut. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa akan memberi keutamaan kepada Ahli Jawatankuasa Cawangan yang sedia ada untuk memangku jawatan-jawatan tersebut.
(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)
- 20.4.1 Jika jawatan AHLI JAWATANKUASA yang dipilih semasa Mesyuarat Agung Cawangan kekosongan kerana perletakan jawatan, maka kuasa penuh adalah diberikan kepada Yang DiPertua Cawangan untuk melantik sesiapa yang layak bagi memangku jawatan tersebut sehingga pemilihan yang akan datang.
(DILULUSKAN PADA AGM 12/3/2009)

20.5 Seseorang ahli Jawatankuasa PERDASAMA Cawangan akan terlucut jawatannya jika gagal mematuhi undang-undang persatuan dengan tidak menghadirkan diri tiga (3) kali berturut-turut ke mesyuarat tanpa memberikan sebab-sebab yang munasabah secara bertulis yang boleh diterima oleh Jawatankuasa PERDASAMA berkenaan dengan kegagalan beliau untuk hadir ke mesyuarat.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)

20.6 Setiap cawangan perlu mempunyai seorang Ahli Jawatankuasa yang bertindak sebagai Ketua Biro Daerah yang bertanggungjawab merancang dan menggerakkan aktiviti PERDASAMA di setiap daerah. Di bawah Ketua Biro Daerah hendaklah dilantik Ketua Daerah yang mewakili daerah-daerah di dalam cawangan. Ketua Daerah hendaklah dilantik dari kalangan ahli-ahli daerah tersebut.

20.7 Pekerjaan Jawatankuasa Cawangan ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian negeri mengikut Undang-undang Persatuan dan arahan-arahan Jawatankuasa Pusat dan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan cukup korum jika hadir satu per dua ($1/2$) daripada ahli-ahlinya. Setiausaha Cawangan akan memberi satu salinan peringatan tiap-tiap mesyuarat kepada Setiausaha Agung Kehormat tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas mesyuarat itu diadakan.

FASAL 21 TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI DAN CAWANGAN

21.1 Yang DiPertua Cawangan dalam tempoh memegang jawatannya akan menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung Cawangan dan semua Mesyuarat Jawatankuasa

cawangan serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat setelah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek cawangan bersama-sama dengan Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan

- 21.2 Naib Yang DiPertua Cawangan akan memangku jawatan Yang DiPertua Cawangan semasa ketiadaannya.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)

- 21.3 Naib Yang DiPertua hendaklah bertindak sebagai wakil Yang DiPertua untuk sebarang mesyuarat peringkat Jawatankuasa PERDASAMA Malaysia sekiranya Yang DiPertua Cawangan tidak dapat hadir mesyuarat tersebut.

(DILULUSKAN PADA AGM 12/4/2005)

- 21.4 Setiausaha Cawangan hendaklah menjalankan kerja-kerja negeri mengikut undang-undang dan ia hendaklah menjalankan perintah-perintah Mesyuarat Agung Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat negeri dan membuat catatan. Ia hendaklah menandatangani semua cek negeri bersama-sama dengan Yang DiPertua Cawangan dan Bendahari Cawangan.

- 21.5 Penolong Setiausaha Cawangan hendaklah membantu Setiausaha Cawangan menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu dalam masa ketiadaannya.

- 21.6 Bendahari Cawangan adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan negeri. Ia hendaklah mengurus dan menyimpan kira-kira mengenai urusan kewangan negeri dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.
- 21.7 Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan hendaklah membantu Jawatankuasa Negeri menjalankan sebarang tugas yang diarah olehnya.

FASAL 22 KEWANGAN NEGERI

- 22.1 Semua wang yang dikutip di Ibu Pejabat dan Cawangan-cawangan Persatuan akan menjadi aset bersama Persatuan
- 22.2 PERDASAMA Negeri mestilah membayar kepada PERDASAMA Pusat sebanyak **25%** hasil melalui kutipan yuran tahunan dan yuran pendaftarannya setiap tahun.
- 22.3 Tiap-tiap Bendahari Negeri akan menyampaikan kepada Bendahari Agung Kehormat sebelum 15hb tiap-tiap bulan yuran-yuran yang diterima oleh cawangan setelah ditolak peratusan yang disimpan sebagai kumpulan wang cawangan.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 22.4 Bendahari Negeri akan juga menyampaikan kepada Bendahari Agung Kehormat sebelum 15hb tiap-tiap bulan sesuatu penyata pendapatan dan perbelanjaan Cawangan bagi bulan lepas.
(DILULUSKAN PADA AGM 28/9/2014)
- 22.5 Semua wang cawangan hendaklah disimpan di atas nama Cawangan di dalam bank yang dipersetujui oleh

Jawatankuasa Negeri atau segala urusan kira-kira wang termasuklah cek dan pengeluaran wang dari Persatuan hendaklah ditandatangani bersama Yang DiPertua Negeri, Bendahari Negeri dan Setiausaha Negeri. Semasa ketiadaan Yang Di Pertua Negeri, Naib Yang DiPertua Negeri bolehlah sebagai pengganti untuk menandatangani cek dan/atau kegiatan pengeluaran wang Cawangan.

- 22.6 Bendahari Negeri dibenar menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus) pada sesuatu masa. Perbelanjaan yang kurang dari RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu) bagi sesuatu masa boleh dibayar dengan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Negeri dan perbelanjaan di antara RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu) hingga RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh diluluskan tanpa mendapat kebenaran sebanyak dua per tiga (2/3) dari jumlah Ahli Jawatankuasa Negeri yang bersidang. Perbelanjaan yang melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu) pada sesuatu masa tidak boleh diluluskan tanpa mendapat persetujuan Mesyuarat Agung terlebih dahulu.

FASAL 23 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN CAWANGAN

- 23.1 Di mana peruntukan khas tiada disebut di dalam undang-undang ini bagi perkara-perkara berhubung dengan pentadbiran Cawangan-cawangan Pertubuhan, undang-undang yang berkenaan mengenai pentadbiran Ibu Pejabat Pertubuhan akan diikuti mana yang sesuai.

- 23.2 Mesyuarat Perwakilan dan Jawatankuasa Pusat akan memberi arahan kepada Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Negeri mengenai pentadbirannya.

FASAL 24 PEMBUBARAN

- 24.1 Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada **tiga per empat (3/4)** daripada jumlah ahli yang berhak mengundi yang hadir dalam suatu Mesyuarat Agung Persatuan yang dipanggil kerananya.
- 24.2 Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung berkenaan.
- 24.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh pembubaran itu

*(Diluluskan oleh Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada: 18 Januari 2018
Rujukan: PPM-004-14-09121998)*

Surat Kelulusan Perlembagaan / Pindaan Perlembagaan



JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri
Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Duta
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 03-62012092
03-62012093
03-62012094
03-62012095 / 03-62012096
Faks : 03-62012107
Laman Web : <http://www.ros.gov.my>
<http://www.eroses.gov.my>

Rujukan Kami: PPM-004-14-09121998

Tarikh: 18 Januari 2018

Setiausaha,
PERSATUAN PEDAGANG DAN PENGUSAHA MELAYU MALAYSIA
LOT 1717, JALAN LEDANG, OFF JALAN DUTA (JALAN TUANKU ABDUL HALIM)
50480
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pindaan perlembagaan pertubuhan tuan telah **DILULUSKAN** dan pertubuhan tuan hendaklah menggunakan perlembagaan **terkini** dalam mentadbir pertubuhan tuan mulai 18 Januari 2018 .

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ZAFFWAN BIN AB GHAFAR)
b.p. PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

Catatan: surat ini adalah jaran komputer, tandatangan tidak diperlukan

